

PELBAGAI usaha telah dilakukan bagi meneruskan kesinambungan atau survival seni pementasan tradisional makyung termasuklah menerusi Seminar Eksplorasi Makyung 2010 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Selain berdepan dengan cabaran peminggiran makyung oleh golongan muda yang semakin kurang berminat untuk menikmatinya, cabaran lain yang terpaksa ditempuh ialah daripada sudut bajet bagi meneruskan kesinambungannya.

Senario itu menurut Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Datuk Norliza Rofli tidak dapat dielakkan apabila bajet merupakan antara kekangan yang menghimpit seni tersebut.

“Semua itu ada kena mengena dengan bajet daripada Rancangan Malaysia Ke-10 yang dimumkan oleh kerajaan baru-baru ini. Kita kena faham dan akur dengan keadaan itu yang ada kena mengena dengan ekonomi semasa.

“Kalau ada bajet pun, kadang-kala peruntukannya tidak cukup kerana kos untuk menaik taraf yang semakin tinggi. Contohnya, ada yang mencadangkan agar elemen moden seperti set pentas yang lebih moden diperkenalkan.

“Ia termasuk juga soal penataan cahaya dan sistem bunyi yang tarafnya sama seperti pementasan muzikal moden dan kosnya amat tinggi,” katanya ketika ditemui pada Seminar Eksplorasi Makyung 2010 tersebut.

Katanya, JKKN sedaya upaya berusaha untuk menghidupkan seni makyung. Sebagai permulaan kumpulan Kijang

Emas di Kota Bharu, Kelantan yang dianggotai 36 anak muda negeri itu diasaskan.

Kumpulan itu yang dibayar elaun bulanan mengadakan latihan makyung tiga kali seminggu dengan setiap sesi latihan mengambil masa tiga jam.

Jelas Norliza, selain mengaktifkan kumpulan itu pada pelbagai persembahan di merata-rata tempat, pihaknya juga bekerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) bagi menyemarakkan makyung di kalangan pelajarannya.

“Kami mengadakan kerjasama dengan Aswara bagi menetapkan pelajaran seni makyung sebagai salah satu kokurikulum wajib di semua fakulti akademi tersebut. Sebelum itu Aswara yang dikenali sebagai Akademi Seni Kebangsaan telah pun melaksanakannya,” ujarnya lagi.

Langkah itu diambil bersesuaian dengan perisytiharan oleh Organisasi Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu



SEKUMPULAN penari makyung mempersembahkan tarian mereka sebelum bermulanya seminar tersebut.

Bajet kekang survival makyung



DR. HATTA AZAD KHAN



NORLIZA ROFLI



DR. A.S. HARDY SHAFII



PARA peserta Seminar Eksplorasi Makyung 2010 khusyuk mendengar pembentangan kertas kerja para panel pada seminar itu.

Kami mengadakan kerjasama dengan Aswara bagi menetapkan pelajaran seni makyung sebagai salah satu kokurikulum wajib di semua fakulti akademi tersebut

(UNESCO) yang mengangkat makyung sebagai salah satu seni warisan dunia pada 2005.

Pada seminar yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), Datuk Mohamed Mohd. Daud itu, enam ahli panel terdiri daripada para aktivis makyung membentangkan kertas kerja

masing-masing.

Para pembentang kertas kerja itu ialah Prof. Dr. Hatta Azad Khan melalui kertas kerjanya yang bertajuk *Eksplorasi Dan Lestari Seni Tradisi*, Zulkifli Ab. Rashid (*Makyung Dari Aspek Sinografi*) dan Mohd Kamarulbahri Hussin (*Muzik Makyung: Merentas Benua Dan Era*).

Panel lain ialah Rosdeen Suboh melalui kertas kerja *Makyung Di Asia*

Tenggara, Dr. A.S. Hardy Shafii (*Falsafah Pengurusan Dan Persembahan Makyung*) dan Norzizi Zulkifli (*Produksi Titis Sakti: Ke Arah Inovasi Makyung*).

Selain daripada masalah bajet dan sambutan generasi muda, makyung boleh dipertingkatkan lagi apresiasinya dengan adanya inisiatif seperti penubuhan sekolah khas keserian itu.

Idea itu dicetuskan oleh Dr. Hatta Azad Khan yang berhasrat melihat sebuah sekolah khusus didirikan bagi mengajar seni persembahan itu bukan sahaja kepada para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam tetapi juga di kalangan pelancong asing.

“Kalau di Bali, Indonesia mereka ada sekolah yang mengajar seni tarian Barongan. Bukan setakat pelajar tempatan boleh menimba ilmu tetapi ramai pelancong asing turut serta.

“Mereka tertarik dengan seni persembahan tradisional itu dan sanggup belajar di sekolah itu untuk mendalami tarian tersebut. Saya harap suatu hari nanti kita juga akan ada sekolah khas untuk belajar seni makyung,” komennya.

Selepas sehari suntuk berseminar, terlalu banyak idea dan resolusi yang diumpul daripada para pembentang kertas kerja di mana ia tidak sepatutnya terbiar begitu sahaja.

Diharap selepas ini, JKKN akan menghimpunkan resolusi dan idea daripada para pembentang kertas kerja sama ada untuk dibukukan atau diketengahkan kepada pihak atasan termasuklah kepada KPKK untuk tindakan selanjutnya.